

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN  
RAKYATMESYUARAT PERTAMA, PENGGAL  
KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL  
ANUAR BIN HAJI NASARAH [  
LENGGONG ]

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN NO. 15

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana tindakan serta perancangan yang telah dirangka oleh Kerajaan dalam melaksanakan RUU Anti Lompat Parti bagi mengelakkan berlakunya ketidakstabilan politik dalam Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kestabilan negara menjadi agenda utama ke arah pemulihan negara memerangi pandemik Covid-19 serta memulihkan ekonomi. Ini termasuklah usaha menyelesaikan kemelut politik melalui prinsip kebersamaan antara parti Kerajaan dan pembangkang dalam memastikan ketidakstabilan politik di Malaysia dapat ditangani dengan lebih baik.

Kerajaan komited dalam melaksanakan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan untuk mengembalikan kestabilan politik demi menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Transformasi kerajaan ini memuktubkan nilai-nilai murni dan muafakat merentasi pelbagai latar agama, kaum, dan budaya dalam konteks Keluarga Malaysia. Transformasi ini termasuklah komitmen Kerajaan untuk membentangkan RUU Anti-Lompat di Parlimen.

Pelaksanaan transformasi ini juga selaras dengan titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu tentang peri pentingnya sebuah pentadbiran yang stabil dan dapat berfungsi secara biasa dalam keadaan negara menghadapi pelbagai krisis.

Justeru, menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan prinsip kebersamaan akan terus diamalkan agar dapat melindungi hak rakyat negara ini yang telah memberi kepercayaan tinggi kepada Ahli-ahli Parlimen. Kerajaan juga akan memastikan sistem demokrasi berparlimen sentiasa disanjung tinggi agar kepentingan rakyat dan negara sebagai satu 'Keluarga Malaysia' dapat diutamakan.

Sekian, terima kasih